

Kawan Buang Omar Junid tatkala membidas itu bermegah bahawa dengan adanya bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan dilaksanakan oleh PETIR sambil menyatakan bahawa bahasa menunjukkan bangsa.

Sebenarnya orang-orang Melayu sukacita bahasa Melayu dijadikan bahasa kebangsaan tetapi sebaliknya orang-orang Melayu tidaklah hendaknya bersukacita begitu sahaja; bermegah begitu sahaja yang dibuat oleh kawan Buang Omar Junid kerana apakah yang ada di sebalik bahasa kebangsaan itu di Singapura ini untuk lapangan hidup orang-orang Melayu? Ini mesti dicemburui. Benarlah seperti kata Datuk Abdul Hamid bin Haji Jumat tentang bahasa menunjukkan bangsa bahawa adakah dengan kerana bahasa Melayu itu orang yang bercakapnya bangsa Melayu? Kita berpendapat bahawa kalau pun bangsa lain tahu berbahasa Melayu maka bukanlah ia orang Melayu atau bangsa Melayu yang menunjukkan Melayu bangsanya! Selain daripada itu bahasa kebangsaan sahaja tidak ada ertiinya kerana bahasa itu bukan bahasa rasmi. Di Persekutuan juga perkara ini masih longgar dan kerana itulah M.C.A menghendaki persamaan digunakan juga terhadap bahasa Cina.

Demikianlah perkara-perkara Melayu yang diusulkan dijawab oleh orang-orang Melayu sendiri, daripada bangsa Melayu sendiri. Sepatutnya perkara yang mengenai bangsa itu tidaklah orang-orang Melayu yang mencampurinya, berdiam mereka lebih bijak, kerana dengan berkata-kata itu seolah-olah menunjukkan Melayu sama Melayu dilakukan oleh orang lain disebabkan sepihak dengan sepihak bertentangan, menurut pendapat kita bukannya bertentangan pendapat, tetapi bertentangan kedudukan. Orang-orang Melayu terasa benar pedihnya kejadian ini, terasa benar sebagai satu tikaman daripada bangsa sendiri kepada bangsanya kerana mengetahui dan telah merasa sedangkan diaku dan ditulis pengakuan mengawal maslahat bangsa Melayu itu jarang terlaksana apatah lagi tidak disebut langsung.

Hanya ada satu perkara akuan yang mau dipegang iaitu akuan daripada kawan Buang Omar Junid yang berkata: "Kami dari PETIR sudah tentu akan memperjuangkan nasib orang-orang Melayu .....". Pengakuan daripada orang Melayu daripada ahli PETIR ini adalah akan dipegang oleh orang-orang Melayu. Orang-orang Melayu kelak apabila mendapat bahawa mereka tidak memperjuangkan maslahat Melayu dan mendapat mereka melebur bangsa Melayu menjadi kaum dan bersama-sama membuang bangsanya sebagai bangsa Malayan maka sudah barang tentu umat Melayu pada suatu masa kelak harus akan melaknatnya dan akan mengecapnya sebagai pengkhianat kepada bangsa Melayu. Masing-masing kita melihat dan menunggu masanya hak dan kedudukan bangsa Melayu diperjuangkan oleh kawan-kawan dalam PETIR itu adanya.

\* \* \*

#### **Perkara Mahkamah Shar'iyyah**

Semenjak Mahkamah Shar'iyyah dibuka di Singapura maka banyaklah perkara-perkara rumah tangga yang mendukacitakan telah tersiar di akhbar-akhbar yang dibicarakan di mahkamah itu bahkan banyak lagi hal-hal yang "memalukan" yang seyogianya tidak tersiar kerana bertentangan dengan ajaran Islam yang telah tersiar ke hadapan am.

Hakim Mahkamah Shar'iyyah Singapura, Tuan Taha Suhaimi pada 4 Julai yang lalu tatkala ditanya oleh Radio Singapura dikatakan menyatakan bahawa dengan tersiaranya berita-berita di mahkamah itu maka kuranglah perbicaraan yang datang. Kerana itu berita-berita itu tersiar ada baiknya untuk mengurangkan orang-orang yang mengadu sebab mereka malu kelak namanya akan tersiar di akhbar-akhbar.

Cara pendapat hakim Mahkamah Shar'iyyah itu demikian adalah sangat-sangat mendukacitakan. Beliau sebagai hakim Mahkamah Shar'iyyah yang dipandang sebagai seorang yang ahli di dalam hukum Islam tentulah seyogianya memberi pendapat dengan cara apa yang diajarkan oleh agama. Agama Islam dengan terang dan jelas menegah menyatakan keaiban seseorang di hadapan

ramai. Tersiarnya berita-berita seperti itu, si anu tidak meniduri isterinya, tidak memberi nafkahnya dan segala-galanya adalah perkara aib yang tidak seyogianya disiarkan.

Perkara ini membawa akibat kepada tiga perkara:

- 1) Agama menegah menyiarkan keaiban seseorang.
- 2) Tidak membawa maslahat yang baik.
- 3) Kerana malu seseorang apabila tersiar itu menjadi sebab ia tidak mau berbaik semula sekalipun agama meluluskan seseorang perempuan berfikir selama tiga bulan.

Perbicaraan di Mahkamah Shar‘iyyah itu bukannya ditujukan untuk mencari menang kalah tetapi yang utamanya dianjurkan untuk mencari ikhtiar-ikhtiar untuk mendamaikan di antara kedua pihak, untuk berbaik-baik semula. Kerana itu perkara menyiarkan berita-berita itu adalah lebih banyak membawa mudaratnya daripada manfaatnya kerana itu menjauhkan mudarat hendaklah lebih dahulu diutamakan.

Melihat hal-hal ini, dan memandang kepada perkara-perkara yang tersiar itu bukannya sahaja membawa keaiban kepada yang berkenaan bahkan terasa pula aibnya kepada amnya umat Islam maka kita berharap supaya Majlis Islam Penasihat Kerajaan Singapura memohon kepada kerajaan supaya perkara-perkara di dalam Mahkamah Shar‘iyyah itu selain daripada perkara-perkara yang patut dibicarakan di dalam “kamera” maka berita-berita mengenai dengannya hendaklah jangan disiarkan di dalam akhbar-akhbar. Ini berguna mengawal keaiban perseorangan dan keaiban seluruh umat Islam.

\* \* \*

### **Permit Aneka Warna**

Kementerian Dalam Negeri Singapura, di dalam suratnya bertarikh 6 Julai 1959 telah menulis sepucuk surat kepada penerbit Aneka Warna, tuan punya percetakan Qalam, menyatakan bahawa permit menerbitkan Aneka Warna adalah ditarik – erti Aneka Warna tidak dibenarkan diterbitkan lagi dari 6 Julai 1959. Tidak ada apa-apa alasan diberi tentang ini

dan sebenarnya mengikut undang-undang kerasaan<sup>1</sup> di dalam menarik permit sesuatu penerbitan, tidak terikat untuk memberi sesuatu sebab mengapa permit sesuatu penerbitan itu ditarik.

Tetapi dua hari kemudian di dalam Utusan Melayu tersiar berita, tatkala wakilnya bertanya, dikatakan Menteri Dalam Negeri Tuan Ong Pang Boon dalam menjawab pertanyaan Utusan Melayu mengatakan bahawa langkahnya menarik balik penerbitan Aneka Warna itu adalah kerana ada berpuluh-puluh pengaduan telah disampaikan kepadanya mengenai Aneka Warna.

Kita sebenarnya tidak mau mempertahankan tentang ditahannya penerbitan Aneka Warna itu kerana, menurut undang-undang kerajaan berhak menarik permit sesuatu penerbitan dengan tidak payah memberi sebabnya. Tetapi apabila sebab-sebab diberi seperti yang tersiar itu, yakni dengan sebab ada pengaduan maka menurut pendapat kita, ini adalah suatu cara yang sangat mendukacitakan.

Aneka Warna adalah diterbitkan semenjak tahun 1954 dan berjalan sehingga hari ini. Di dalam undang-undang yang berjalan, yang sekarang kita yakin belum dipinda lagi, takrif (definisi) terhadap kepada penerbitan luah itu ada bertulis di dalam undang-undang dan berdasar kepada itu maka Aneka Warna berjalan dengan tidak pernah melanggar sesuatu pun daripada dasar undang-undang yang ada di masa itu.

Kita mengetahui pula dalam pemerintahan yang lalu dan yang terlebih dahulu jika sekiranya memandang sesuatu hal dalam penerbitan itu “keterlaluan” sekalipun tidak melanggar undang-undang maka pihak kerajaan memberi kerjasamanya memanggil penerbitan mengingatkan dan menasihati serta meminta supaya perkara-perkara yang tidak diperkenan mereka jangan diterbitkan – dan dengan demikian maka dapatlah penerbitan itu diterbitkan dengan mengikut-ikut nasihat yang membawa kepada kebaikan bersama dengan tidak sedikit pun merugikan mana-mana pihak – dan tidak nampak kepada umum tentang kekuasaan digunakan di dalam perkara-perkara yang mengenai perkara-perkara yang tidak pun melanggar undang-undang negara.

<sup>1</sup> Kesilapan ejaan dalam teks. Sepatutnya kerajaan.